

MENITI TAKBIR KEMENANGAN YANG HAKIKI

ALLAHU AKBAR, ALLAHU AKBAR ALLAHU AKBAR, LA ILAHA ILLALLAHU
WALLAHU AKBAR, ALLAHU AKBAR WA LILLAHIL HAMD...

Itulah takbir yang memecah kesunyian pagi menandakan hari kemenangan bagi umat Islam yang benar-benar ikhlas beribadat untuk Rabbnya. Itulah juga takbir yang menandakan berlalunya bulan yang penuh keberkatan yang akan ditangisi pemergiannya oleh mereka yang benar-benar dekat dengan Rabbnya. Bagi yang benar-benar bertakwa, mereka akan merasa sangat berat hati berpisah dengan bulan yang penuh *barakah* dan *maghfirah* ini, terlalu sekejap dirasakan. Namun, singkat panjangnya Ramadhan telah ditentukan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dan apa yang boleh kita lakukan sebagai makhluk yang terlalu lemah ini adalah mengharap agar Allah menemukan lagi kita dengan Ramadhan yang akan datang. Apa yang penting ialah kita tetap *istiqamah* beribadah kepada Allah dengan sebenar-benar ibadah, samada di bulan Ramadhan mahupun bulan-bulan berikutnya. Dan amat penting untuk kita memahami bahawa ibadah itu bukan sekadar puasa, solat, haji atau ibadah-ibadah *mahdhah* (ritual) lainnya, tetapi ibadah itu mencakupi semua perkara yang diwajibkan atau diharamkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala atau dengan kata lain mematuhi segala perintah dan larangan Allah itu adalah ibadah.

Kalimah Takbir Yang Penuh Makna

Setiap tahun umat Islam akan mengumandangkan kalimah Takbir sebanyak dua kali yakni semasa Eidul Fitri dan Eidul Adhha. Inilah kalimah yang diajarkan oleh Junjungan kita kepada umatnya,

اللَّهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ صَدَقَ وَعْدُهُ وَتَصَرَّ
عَبْدُهُ وَأَعَزَّ جُنْدُهُ وَهَرَمَ الْأَحْرَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ هُوَ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ.

“Allah Maha Besar tiada terhingga, segala puji bagi Allah sebanyak-banyaknya, dan Maha Suci Allah di pagi hari dan petang, tiada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa, yang benar segala janji-janjiNya, dan yang telah menolong hambaNya, dan yang telah memuliakan tenteraNya, dan menumpaskan tentera al-Ahzab (pasukan bersekutu musyrikin dan Yahudi) dengan keEsaanNya. Tiada tuhan melainkan Allah dan Dialah Allah yang Maha Besar. Allah Maha Besar dan bagiNya ialah segala pujian.”

Mungkin ramai di kalangan umat Islam yang tidak memahami maksud Takbir yang setiap tahun dilaungkan oleh mereka. Atau mungkin juga mereka memahaminya dari segi bahasa tetapi tidak menghayati maksud yang dikandung olehnya. Ucapan *takbir* “Allahu Akbar” (Allah Maha Besar) menunjukkan pengakuan kita tentang kebesaran Allah Subhanahu wa Ta'ala. Ketika kita mengatakan *Allahu Akbar*, berarti kita telah mengecilkan perkara-perkara lain di dunia ini. Kita hanya mengagungkan Allah Subhanahu wa

Ta'ala semata-mata. Harta, kekuasaan, kaum keluarga, jawatan mahupun nyawa kita sendiri menjadi kecil di mata kita tatkala kita mengucapkan dan melaungkan lafaz *Allahu Akbar* tersebut. Kita mesti faham bahawa bukan berarti kita menolak harta, kekuasaan, atau jawatan dan sebagainya. Apa yang perlu disedari adalah kita tidak menjadikan perkara tersebut sebagai tujuan kita dihidupkan.

Ucapan *tahmid* “Alhamdulillah.” (Segala Puji bagi Allah) menunjukkan rasa syukur kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala atas segala nikmat yang telah Dia berikan kepada kita. Allah Subhanahu wa Ta'ala telah menjadikan kita sebagai manusia dengan sebaik-baik bentuk (*fi ahsani taqwimim*). Firman Allah, “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya” [TMQ At-Tin (95):4]. Tubuh kita diciptakan dengan cukup sempurna. Allah Subhanahu wa Ta'ala memberikan kita akal fikiran yang membuatkan kita berbeza dengan

HIZBUT TAHRIR MALAYSIA (HTM)
mengucapkan Selamat Eidul Fitri 1427 H
kepada seluruh kaum Muslimin. Taqabalallahu
minna wa minkum, siyamana wa siyamakum.
Minal 'aidin wal faidzin. Semoga Allah
menerima seluruh amal kita. Amin.

mahluk yang lain. Tidak hanya itu, Allah menciptakan alam semesta ini untuk diguna dan dimanfaatkan oleh kita sebagai manusia, tanpa Allah meminta bayaran dari kita sedikitpun. Apa yang diminta oleh Allah adalah agar kita sujud kepadaNya dengan sebenar-benar sujud. Tidak hanya itu, Allah Subhanahu wa Ta'ala memberikan petunjuk kebenaran kepada kita yakni Al-Qur'an yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam. Dengan Al-Qur'an kita dapat membezakan mana petunjuk dan mana kesesatan, mana yang halal dan mana yang haram, mana yang haq dan mana yang batil, mana yang direndah oleh Allah dan mana yang dimurkaiNya.

Ucapan *Tasbih "Subhanallah"* (Maha Suci Allah) menunjukkan pengakuan kita akan keagungan Allah Subhanahu wa Ta'ala yang telah menciptakan alam semesta ini dengan sempurnanya. Allah Subhanahu wa Ta'ala telah mengatur perjalanan matahari dari timur ke barat secara sempurna, mengatur siang dan malam dengan sempurna, menciptakan langit dan bumi dengan keagunganNya. Perhatikanlah semua itu. Bukankah semuanya mencerminkan keagungan dan kesempurnaan Allah Subhanahu wa Ta'ala? Maha Suci Allah dari segala kekurangan.

Ucapan *"La ilaha illa Allah"* (tiada Tuhan selain Allah) merupakan *syahadah* (pengakuan) kita akan betapa hanya Allah Subhanahu wa Ta'ala sahajalah sebagai satu-satunya Zat yang wajib dan selayaknya kita sembah tanpa boleh kita menyekutukanNya dengan sesuatu apa pun. Kalimat ini bukan sahaja merupakan penolakan kita terhadap tuhan-tuhan selain Allah, namun ia juga merupakan penolakan kita terhadap produk-produk hukum selain hukum Allah. Hanya hukum Allahlah yang wajib kita jadikan aturan di dalam kehidupan kita, bukan yang lainnya. Kita juga mengakui bahawa segala janji Allah adalah benar. Apa sahaja yang dijanjikan oleh Allah samada di dalam Al-Qur'an atau melalui lisan NabiNya adalah suatu yang akan benar-benar terjadi.

Seterusnya Allah menerangkan bahawa Dia telah memulihkan tenteranya dan memberikan kejayaan ke atas mereka dengan dikalahkan tentera Ahzab dengan keEsaanNya. Jika kita menelusuri kisah Perang Ahzab, kita akan mendapati bahawa pihak kaum Muslimin telah terkepung dengan pasukan gabungan (ahzab) kafir Quraish dan Yahudi dan mereka telah nekad untuk menyerang Rasulullah dan kaum Muslimin pada esok harinya secara serentak dari beberapa penjur. Maha Perkasa Allah yang telah menurunkan ribut pada malam itu yang telah memecah dan memporak-porandakan barisan musuh dan segala kelengkapan serta peralatan mereka. Walaupun tanpa apa-apa perlawanan dari kaum Muslimin, kaum kafir telah berjaya dikalahkan semata-mata dengan kekuatan dan pertolongan Allah yang Maha Esa.

Inilah di antara janji Allah kepada kaum Muslimin yakni kemenangan kepada mereka yang menolong agamaNya. Kuat mana sekalipun golongan yang menentang agama Allah, sesungguhnya amat mudah bagi Allah untuk menghapuskan mereka. Syaratnya, kaum Muslimin itu sendiri hendaklah terlebih dahulu menolong agama Allah. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala, *"Wahai orang-orang yang beriman, jika kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolongmu dan meneguhkan kedudukanmu"* [TMQ **Muhammad (47):7**].

Wahai kaum Muslimin! Tanyalah diri kalian adakah kalian telah benar-benar menolong agama Allah? Adakah kalian telah berusaha untuk menegakkan agama Allah? Adakah kalian telah bergerak untuk berdakwah kepada umat Islam dan para pemimpin mereka yang menerapkan hukum *taghut* sekarang? Adakah kalian telah menyahut seruan Allah dan RasulNya dan berusaha untuk merubah hukum kufur yang ada sekarang dengan menggantikannya dengan hukum ciptaan Allah? Atau adakah kalian hanya memilih untuk mementingkan dunia dan berdiam diri dengan sistem kufur yang mendominasi kita sekarang? Atau kalian memilih jalan yang lebih hina dan keji untuk bersama menyokong dan mempertahankan sistem kufur ini demi habuan dunia yang kalian harapkan? Sedarlah wahai kaum Muslimin! Takutlah kalian kepada Allah yang akan mengazab kalian di atas segala dosa-dosa kalian kerana tidak menolong agamaNya. *Ittaqullah ya ikhwanal muslimin.....u-sikum bi taqwallah!*

Adakah Kita Bertakbir Di Dalam Kemenangan?

Kita sering mendengar dan memperkatakan bahawa Eidul Fitri merupakan Hari Kemenangan kepada mereka yang berpuasa. Benar, kita tidak menafikan kenyataan ini dilihat dari konteks pencapaian setelah berpuasa itu sendiri. Persoalannya, apakah umat Islam itu telah meraih kemenangan sebagaimana yang Allah perintahkan? Apakah umat Islam itu benar-benar telah mencapai kemenangan sebagaimana kemenangan yang telah dicapai oleh Rasulullah dan para sahabat? Apakah kemenangan setelah berpuasa sebulan merupakan kemenangan hakiki umat Islam sehingga tidak ada lagi perjuangan untuk mencapai kemenangan sesudah itu? Apakah Takbir Kemenangan yang kita laungkan tidak mengingatkan kita tentang kemenangan yang telah diberikan oleh Allah kepada Rasulullah dan para Khulafa' setelah mereka berjaya menguasai dunia dan menerapkan hukum Allah di atasnya?

Rasulullah dan para sahabat berpuasa dan mereka berdakwah untuk menyebarkan agama Allah. Mereka berpuasa dan mereka berjihad untuk menyebarkan Islam. Mereka berpuasa dan mereka pastikan bumi ini tidak diperintah kecuali dengan hukum Allah semata. Mereka berpuasa dan mereka pastikan agama Allah adalah agama yang menakluki dunia. Rasulullah dan para sahabat berpuasa dan mereka benar-benar

berjuang memastikan kemenangan Islam dan kaum Muslimin. Inilah kemenangan hakiki umat Islam sebagaimana yang telah ditunjuk dan diperintahkan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam. Bukan sekadar kemenangan di dalam menunaikan ibadat puasa semata-mata.

Wahai kaum Muslimin! Periksalah dengan hati yang ikhlas, adakah takbir kita sebagaimana takbir Rasulullah? Ada sebahagian dari kita bertakbir dengan linangan air mata, kerana apa? Sebahagiannya kerana mengingati kampung halaman, sedih kerana tidak dapat beraya di kampung. Sebahagian lagi sedih kerana mengingatkan sanak saudara yang telah pergi (meninggal). Sebahagian yang lain menangis kerana irama takbir yang sayu dan menyentuh perasaan. Inilah di antara kesedihan sebahagian dari umat Islam. Kita seharusnya turut bersedih menyaksikan 'kesedihan' ini ... kerana apa? Kerana kita mengharapkan air mata yang bercucuran adalah kerana mereka benar-benar memahami kalimah takbir, menyedari hakikat perpecahan umat Islam, menyedari bahawa kehinaan yang Allah timpakan kepada kaum Muslimin sekarang adalah natijah dari tidak diterapkannya hukum-hukum Allah. Kita mengharapkan air mata berlinangan tatkala takbir dikumandangkan kerana umat Islam menginsafi dosa-dosa mereka sendiri yang tidak berusaha untuk menegakkan agama Allah. Kita mengharapkan air mata bercucuran kerana umat Islam benar-benar memahami kalimah takbir – mereka sedar bahawa laungan takbir ini berkumandang di dalam keadaan umat Islam hari ini 'mencapai' kekalahan demi kekalahan, kelemahan demi kelemahan, kehinaan demi kehinaan. Kita mengharapkan mereka bersedih kerana kemenangan hakiki belum lagi dicapai. Kita inginkan air mata mengalir kerana bersedih mengumandangkan bertakbir di dalam kekalahan, bukan kemenangan.

Wahai kaum Muslimin! Sedarlah bahawa kita bertakbir untuk membesar dan mengagungkan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Sebahagian kita bertakbir dengan penuh perasaan di dalam masjid, tetapi apabila di luar masjid mereka takbur kepada Allah. Mereka berhukum dengan hukum selain Allah. Mereka mengambil sistem yang lain dari sistem Allah. Mereka berjuang dan mempertahankan sistem Demokrasi ciptaan kuffar, mereka memperjuangkan sekularisme, liberalisme, *assabiyah*, *wathaniyyah* dan sebagainya. Mereka mengagungkan kekayaan, kekuasaan, dan kedudukan dengan meninggalkan syariat Allah. Mereka membesarkan hawa nafsu dan kepentingan peribadi. Mereka mementingkan kehidupan dunia yang rendah berbanding akhirat. Mereka memikirkan dunia dan takut akan kehilangan kenikmatan dunia yang sedikit dan lupa akan nikmat akhirat yang tidak terbatas. Kerana semua ini, mereka memilih untuk hidup selesai di dunia dan tidak memperdulikan perjuangan untuk menegakkan agama Allah. Islam diambil sebagai agama untuk kepentingan peribadi, bukan agama untuk

diperjuangkan. Malah lebih buruk, sebahagian dari mereka memandang serong golongan yang berjuang untuk mengembalikan syariat Islam. Inilah sebahagian sikap umat Islam yang takbur walaupun mereka melaungkan takbir kepada Allah.

Kembali Kepada Fitrah

Saudara-saudara yang dimuliakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala; Eidul Fitri adalah hari kembalinya manusia kepada fitrahnya. Ibn Atsir menerangkan bahawa fitrah itu tidak lain adalah sifat penciptaan manusia dan potensi kemanusiaan yang siap untuk menerima agama. Sementara Imam Zamakhsyari mengatakan, fitrah itu menjadikan manusia siap sedia setiap saat menerima kebenaran dengan penuh sukarela, tanpa paksaan, secara semulajadi, wajar, dan tanpa bebanan [**al-Fa'iq, III/128**]. Oleh kerana itu, makna Eidul Fitri (kembali pada fitrah) adalah kembali mengembangkan potensi manusia untuk selalu siap setiap saat menerima kebenaran. Kebenaran itu tidak lain adalah Islam. Kembali kepada fitrah sama dengan kembali pada akidah dan syariat Islam. Dengan kembali kepada fitrah, manusia akan selamat dari segala dosa dan azab Allah Azza wa Jalla.

Bagaimana mungkin manusia boleh selamat dari azab Allah apabila mereka hanya mengambil aqidah Islam, tetapi meninggalkan syariat Islam? Allah adalah Zat yang Maha Pencipta dan Maha Mengatur. Allah mencipta manusia, alam dan kehidupan dan Allah mengatur ketiga-tiganya. Allah mencipta manusia dan mengatur sistem hidup untuk manusia. Bagaimana mungkin manusia mengambil aturan selain dari aturan Allah? Kenapakah umat Islam mengambil aturan ciptaan kafir penjajah, dan ciptaan tangan mereka sendiri, sedangkan kita wajib meyakini yang Allah adalah Maha Pengatur. Kenapakah manusia mengambil sistem selain sistem Allah yang Maha Sempurna? Apakah takbir yang dilaungkan hanya untuk membesarkan Allah di dalam solat walhal di luar solat menyombong dan membesarkan diri di hadapan Allah dengan mencipta hukum sendiri, yang kononnya lebih baik dari hukum Allah? *Nau'uzubillah min zalik*.

Saudara-saudara yang dimuliakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Sesungguhnya Eidul Fitri merupakan salah satu syiar yang menyatukan Muslim dari ufuk barat hingga ufuk timur, dan mengingatkan kita bahawa perayaan kita satu, Tuhan kita adalah satu, Rasul kita adalah satu, agama kita satu, kiblat kita satu, kitab kita satu dan negara kita adalah satu. Perpecahan umat Islam yang berlaku sekarang, khususnya dipecahkan menjadi negara bangsa melalui semangat nasionalisme dan patriotisme hanyalah merupakan rekayasa penjajah kafir ke atas kita. Justeru, kita perlu mengorak langkah untuk kembali kepada fitrah dengan melakukan perubahan yang hakiki dan mendasar. Perubahan hakiki adalah yang dapat menyelesaikan secara menyeluruh persoalan umat Islam di seluruh dunia. Caranya, **pertama**, membangun kekuatan politik

internasional yang akan menyatukan seluruh kaum Muslimin di bawah satu pemerintahan. Kekuatan politik itu tidak lain adalah negara Khilafah Islamiyyah, yang akan memayungi dan memelihara setiap Muslim di dunia. **Kedua**, menerapkan syariat Islam secara *kaffah* dalam wadah Khilafah Islamiyyah tersebut berdasarkan kitabullah dan sunnah RasulNya.

Khatimah

Akhirnya di hari yang mulia ini, setelah sebulan penuh kita membangun dan meningkatkan ketakwaan kita sepanjang Ramadhan, yang penuh *rahmah* dan *maghfirah*, kami menyerukan kepada seluruh kaum Muslimin samada para pemerintah, para pimpinan dan ahli-ahli gerakan Islam, para ulama dan sesiapa sahaja yang beraqidah Islam untuk secara bersungguh-sungguh berjuang bersama bagi menegakkan syariat Islam secara kaffah dan menjadikan perjuangan penegakan syariah sebagai agenda utama. Sesungguhnya penerapan syariah dalam kehidupan individu, bermasyarakat dan bernegara merupakan kewajiban setiap muslim, sekaligus merupakan hasil dalam meraih ketakwaan. Marilah kita bersama-sama membulatkan tekad untuk berjuang bersama melanjutkan kembali kehidupan Islam secara kaffah dengan menerapkan syariah dalam seluruh aspek kehidupan dan dengan melantik seorang ketua negara bergelar Khalifah, yang dibai'at untuk menjalankan pemerintahan berdasarkan Al-Qur'an dan As-Sunnah yang akan menyatukan kembali negeri-negeri Islam dan umat Muhammad.

Selanjutnya, marilah kita tunduk, mengakui rendahnya kita di hadapan Allah yang Maha Besar, tunduk dengan segala kerendahan hati, sambil menadah tangan, untuk memanjatkan doa ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, Zat Yang Maha Berkuasa dan Maha Perkasa, dengan memohon kepadaNya:

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ بِدَعْوَةِ الْإِسْلَامِ وَمَنْ تَمَسَّكَ بِسُنَّةِ رَسُولِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَعِينُكَ وَنَسْتَغْفِرُكَ وَلَا نَكْفُرُكَ وَنُؤْمِنُ بِكَ وَنَخْلَعُ مِنْ يَفْحَرُكَ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَعْبُدُكَ وَنُحَدِّثُكَ وَنَسْجُدُ وَإِلَيْكَ نَسْعِي وَنَحْفِدُ نَرْجُو رَحْمَتَكَ وَنَخْشَى عَذَابَكَ إِنَّ عَذَابَكَ الْجِدِّ بِالْكَفَّارِ مُلْحَقٌ، اللَّهُمَّ عَذِّبِ الْكُفْرَةَ الَّذِينَ يَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِكَ وَيَكْذِبُونَ رَسُولَكَ وَيَقَاتِلُونَ أَوْلِيَاءَكَ. اللَّهُمَّ أَهْرِمْهُمْ وَدَمِّرْهُمْ، وَمَرِّقْ جَسَعَهُمْ وَسَيِّئَتِ سَمْلَهُمْ، وَاجْعَلْ تَدْمِيرَهُمْ فِي تَدْمِيرِهِمْ، اللَّهُمَّ أَهْرِمِ جُيُوشَ الْكُفَّارِ الْمُسْتَعْمِرِينَ، أَمْرِيكَ وَتَرِيطَانِيَا وَخُلَفَاءَهَا الْمَلْعُونِينَ.

Ya Allah, kami memohon pertolonganMu, meminta ampunanMu, sekali-kali kami tidak akan mengkufuriMu. Kami sepenuhnya beriman kepadaMu dan berlepas diri dari siapapun yang durhaka kepadaMu. Ya Allah, hanya kepadaMulah kami menyembah, beribadah dan sujud. KepadaMulah kami berlari dan menuju. Kami mendambakan rahmatMu dan takut akan azabMu. Sesungguhnya azabMu yang sungguh-sungguh ditimpakan kepada kaum Kufar itu juga pasti akan ditimpakan kepada yang lain. Ya Allah, azablah orang-orang Kafir yang telah menghalangi jalanMu, mendustakan para rasulMu dan membunuh para penolongMu. Ya Allah, kalahkanlah mereka, hancurkanlah mereka, cerai-beraikanlah persatuan mereka, dan porak-porandakanlah kesatuan mereka. Jadikanlah rencana jahat mereka itu sebagai pembawa kehancuran mereka. Ya Allah, kalahkanlah pasukan kaum Kufar penjajah, Amerika, Britain dan sekutu mereka yang terlaknat.

اللَّهُمَّ مَلِكِ الْمَلِكِ تُعْطِي الْمَلِكِ مَنْ تَشَاءُ، وَتَنْزِعُ الْمَلِكِ مِمَّنْ تَشَاءُ، وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ، بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ دَوْلَةَ الْخِلَافَةِ الرَّاشِدَةَ عَلَى مِثَاجِ نَبِيِّكَ، نُعِزُّ بِهَا دِينَكَ وَتُذِلُّ بِهَا الْكُفْرَ وَطَغْيَانَهُ. اللَّهُمَّ أَنْصِرْنَا وَأَنْصِرْ إِخْوَانَنَا وَأَنْصِرْ مَنْ يُنْصِرُنَا وَاجْعَلْنَا وَإِيَّاهُمْ مِنَ الْعَامِلِينَ الْمُخْلِصِينَ لِإِقَامَةِ شَرِيْعَتِكَ وَالْخِلَافَةِ الرَّاشِدَةَ عَلَى مِثَاجِ نَبِيِّكَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ وَيَا خَيْرَ النَّاصِرِينَ.

Ya Allah, Maha Raja Diraja, Engkau berikan kekuasaan kepada siapa saja yang Engkau kehendaki, Engkau mencabut kekuasaan dari siapapun yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan siapa saja yang Engkau kehendaki, dan Engkau hina-dinakan siapa saja yang Engkau kehendaki. Di dalam genggamannya seluruh kebaikan. Kerana Engkaulah Zat yang Maha Kuasa atas segalanya. Ya Allah, kami memohon kepadaMu negara Khilafah Rasyidah yang mengikuti sunnah NabiMu. Dengannya Engkau muliakan agamaMu, dan Engkau hinakan kekufuran dan seluruh agen-agennya. Ya Allah, tolonglah kami; tolonglah saudara-saudara kami; tolonglah sesiapa sahaja yang menolong kami. Jadikanlah kami dan mereka sebagai para pejuang yang ikhlas untuk menegakkan syariahMu dan Khilafah Rasyidah yang mengikuti sunnah nabiMu. Dengan rahmatMu, wahai Zat yang Maha Pengasih, wahai Sebaik-baik Penolong. Amin ya Rabbal a'lamina.